

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

Ramadan, Syawal dan Obesiti

Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Pada hari kiamat akan datang seorang yang berbadan besar lagi gemuk. Namun, di sisi Allah timbangannya tidak dapat melebihi berat sayap seekor nyamuk." Sewajarnya, makanan yang banyak akan menghasilkan tenaga dan stamina yang tinggi untuk ibadah. Namun kenapa sifirnya tidak pernah begitu?

Selanjutnya di hlm. 96

> Surat Cinta Buat Para Pemimpin

hlm. 12

> Kaji Sebelum Caci

hlm. 70

> Umpama Berpuasa Sepanjang Tahun

hlm. 68

> Mengenal Hati

hlm. 85

Nafsu hanya suka pada makanan yang lazat. Akal suka pada makanan yang berzat, tetapi hati suka pada makanan yang berkat. Yang mana penyubur iman?

ISU No.

47

LAZAT BERZAT BERKAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod
untuk ke
Facebook
Majalah
Solusi

Sebuah
terbitan



Status Gaji daripada Pengutipan Cukai

Berdasarkan tulisan ustaz sebelum ini, saya faham bahawa tanggungjawab pengutipan cukai adalah daripada pemerintah. Jika pemerintah mencampurkan wang kutipan halal dan haram, dosa tersebut ditanggung oleh mereka sendiri walaupun boleh dikatakan kutipan cukai paling banyak datang daripada syarikat arak dan perjudian.

Bagi kakitangan kerajaan pula, selagi mereka melakukan kerja secara halal, selagi itu wang tersebut halal walaupun dari segi peratusan kutipan cukai haram melebihi yang halal. Adakah ia benar? Dari segi peratusan, jika peratusan haram melebihi yang halal (memandangkan syarikat besar banyak milik bukan Islam), adakah hukumannya sama?

Jawapan: Benar, selagi terdapat peratusan halal, selagi itu kakitangan awam tidak perlu bimbang berkenaan pendapatan gajinya selama kakitangan tadi tidak bertugas membantu yang haram atau memperoleh pendapatan daripada jalan yang haram seperti rasuah, hadiah yang berkaitan dengan jawatannya dan sebagainya.

Mungkin ada yang akan mempersoalkan jika gaji keseluruhan kakitangan mengambil 30% daripada hasil kerajaan, dan cukai daripada sumber yang halal hanya mencecah 10% daripada keseluruhan cukai.

Soalan tersebut relevan. Pertama, saya tidak mempunyai statistik ini untuk memastikan sama ada andaian itu betul ataupun salah. Kedua, jika andaian peratusan kumpulan wang cukai tadi sekalipun benar, pendapatan kerajaan tidak terhad kepada cukai sahaja, malah terdapat banyak bentuk pendapatan kerajaan yang lain.

Sekali lagi pasti timbul isu tentang semua pendapatan lain turut datang daripada sumber yang bercampur-campur. Jika perkara tersebut berlaku, kakitangan dan orang awam tidak dituntut untuk mengkajinya dengan terperinci kecuali jika dimaklumkan sendiri oleh kerajaan secara terbuka. Selagi ia bukan informasi yang terbuka dan mampu diperoleh, maka hukum harus gaji kakitangan awam adalah kekal.

Mungkin juga ada persoalan: "Tidak dapat diketahui kakitangan mana yang akan mendapat bahagian halal terlebih dahulu daripada pendapatan kerajaan tadi.

Justeru, bagaimana dengan kakitangan yang terpaksa menerima bahagian daripada sumber yang haram?"

Isu ini juga tidak timbul kerana sekali lagi ia tergolong dalam tanggungjawab pembuat dasar dan di luar kemampuan orang biasa untuk memperoleh maklumat serta ia juga tidak dituntut atas kakitangan awam untuk mengkajinya. Selain itu, ia juga boleh dianggap tergolong dalam kategori *'umum al-balwa* yang merupakan salah satu cabang rukhsah (keringanan) atau kesalahan yang dimaafkan menurut Islam akibat ketidakmampuan untuk dielak dan dijaga dalam keadaan biasa.

Kaedah 'Umum al-Balwa

Definisi	Keseluruhan sesuatu perkara yang berlaku amat sukar bagi seorang mukalaf mengelakkan diri daripada melakukannya, atau dia berhadapan dengan kesukaran lain yang menuntut keringanan, atau terlalu sukar untuk orang ramai mengetahui hukumannya secara tepat.
Konsep	Konsep ini sebenarnya berada bawah kaedah umum fiqah المشقة تجلب التيسير. Iaitu kesukaran yang berat dan boleh membawa kepada keringanan (dalam hukum). Namun, Dr. Sheikh Yusuf al-Qaradawi menyatakan dengan jelas bahawa kaedah ini tidak terpakai dalam perkara harian yang telah putus hukumannya dengan jelas (<i>qat'i</i>) seperti zina, rompak, rasuah, riba, bunuh, homoseksual, liwat dan banyak lagi. Imam al-Ghazali pula menyatakan: "Apabila menjaga dan mengelakkan diri daripadanya menjadi terlalu sukar disebabkan kekeliruan dan percampuran antara halal dengan haram sehingga terlalu sukar dipisahkan sebagaimana yang berlaku dalam beberapa bentuk percampuran najis, kotoran dan juga harta (antara halal dengan haram)."

Antara contoh lain dalam kes ini adalah:

1. Tawaf di bahagian atas Masjidilharam.
2. Menggunakan jadual waktu solat bagi menentukan masuk dan habis waktu.
3. Menggunakan kompas bagi mencari arah Kaabah.
4. Menonton televisyen.
5. Wanita bekerja dan terlibat dalam nafkah keluarga.
6. Mencukur janggut dan jambang.

Namun demikian, penggunaan kaedah *'umum al-balwa* diikat dengan pelbagai syarat dan ia memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. **S**

